

NO. SOALAN: 487

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN
MOHD HARUN NARRASHID
[KOTA TINGGI]

SOALAN

DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID [KOTA TINGGI] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk meningkatkan penggunaan sumber tenaga boleh baharu (RE) bagi negara.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 yang dikuatkuasakan pada tahun 2011 telah menyenaraikan lima (5) sumber Tenaga Boleh Baru (TBB) yang terdiri daripada biogas, biomas, hidro kecil, geoterma dan solar fotovolta.
2. Akta ini menjelaskan mekanisma tarif galakan *Feed-in-Tariff* (FiT) untuk meningkatkan sumbangan TBB dengan pembelian tenaga elektrik pada tarif premium. Sehingga 30 Jun 2017, sumbangan penajaan TBB menerusi mekanisma FiT ialah sebanyak 508.24MW. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 338.02 MW (67%) adalah daripada sumber tenaga solar, diikuti 87.90 MW (17%) daripada biojisim, 52.02 MW (10%) daripada biogas dan 30.30MW (6%) daripada hidrokuasa kecil.
3. Selain mekanisma FiT, Kerajaan turut memperkenalkan dua (2) program baru untuk meningkatkan sumbangan TBB khususnya daripada tenaga solar iaitu projek *Large Scale Solar* dengan

sasaran 1,000MW bagi tempoh 2017-2020 dan Program *Net Energy Metering* (NEM) dengan sasaran 500MW bagi tempoh 2016-2020. Pelaksanaan program-program tersebut adalah untuk mencapai sasaran kumulatif 2,080MW TBB menjelang 2020.

4. KeTTHA juga menggunakan definisi ASEAN dengan mengambilkira hidrokuasa besar sebagai sumber TBB. Sehubungan ini, TBB menyumbang sebanyak 22.5% daripada keseluruhan kapasiti penjanaan tenaga elektrik di Malaysia. Kementerian yakin bahawa TBB akan dapat menyokong sektor tenaga di Malaysia dan memenuhi sasaran yang telah ditetapkan oleh ASEAN iaitu sebanyak 23% menjelang tahun 2025.

5. Bagi meningkatkan penggunaan dan sumbangan sumber TBB pada masa hadapan, Kementerian turut menjalankan kerjasama strategik dengan agensi-agensi yang berkaitan bagi meneroka potensi sumber TBB yang lain di Malaysia seperti geoterma, angin dan ombak.

Sekian, terima kasih
